



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KEPADA MAJIKAN BAGI PROGRAM SARINGAN
COVID-19 KEPADA PEKERJA ASING MENGGUNAKAN
KAEDAH RTK ANTIGEN**

**DI NEGERI SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR,
NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG, SABAH DAN
W.P. LABUAN**

2020

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada majikan berkenaan pelaksanaan Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing menggunakan kaedah RTK Antigen.

2. LATAR BELAKANG PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO

- 2.1 Pada 27 November 2020, kerajaan melalui Mesyuarat Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju untuk PERKESO melaksanakan saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing yang bekerja di Selangor, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan W.P. Labuan bermula 1 Disember 2020. Arahan ini adalah berdasarkan peningkatan kes COVID-19 yang mendadak dikalangan pekerja asing di kawasan tersebut.
- 2.2 Program saringan COVID-19 ke atas pekerja asing dilaksanakan sebagai usaha membantu kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 khususnya di kalangan pekerja asing. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan penilaian risiko jangkitan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di kalangan pekerja asing yang lebih tinggi berbanding pekerja tempatan.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1 Program ini diwajibkan bagi semua pekerja asing yang mencarum dengan PERKESO dan bekerja di negeri Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan W.P. Labuan.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Ujian saringan bagi Program Saringan COVID-19 bagi pekerja asing dijalankan secara berjadual dan berperingkat dengan memberi tumpuan kepada daerah-daerah yang berisiko tinggi, mulai 1 Disember 2020. Berikut adalah jadual pelaksanaan ujian saringan secara berkala di daerah-daerah yang dikenal pasti iaitu:
- a. Daerah Klang dan Seremban bermula pada 1 Disember 2020;
 - b. Lain-lain daerah zon merah di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Pulau Pinang bermula pada 9 Disember 2020;
 - c. Seluruh Negeri Sabah, WP Labuan dan lain-lain daerah di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan bermula pada 16 Disember 2020.
- 4.2 Ujian saringan ini dijalankan dengan kerjasama klinik dan hospital swasta secara berjadual dan berperingkat dengan menggunakan kaedah RTK Antigen yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kit ujian akan dibiayai oleh PERKESO dan majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik atau hospital. Bagi pekerja asing yang bukan pencarum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.
- 4.3 Bagi mengelakkan kesesakan semasa saringan, majikan perlu menghubungi klinik atau hospital untuk menetapkan tarikh dan masa saringan. Direktori klinik/hospital panel boleh dirujuk di Portal PSP (<https://psp.perkeso.gov.my>). Saringan boleh dijalankan sama ada di premis majikan atau di klinik/hospital dengan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh PERKESO.
- 4.4 Rujuk carta alir di bawah untuk panduan

PROGRAM SARINGAN COVID-19 BAGI PEKERJA ASING MENGGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN

